



## GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO TEAM MAS BAGI TUJUAN KOMERSIAL

### 1. PENGENALAN

- 1.1. Garis Panduan Permohonan Penggunaan Logo Team MAS ini dikeluarkan sebagai rujukan dan panduan untuk penghasilan produk dan perkhidmatan bagi tujuan komersial dalam pelaksanaan program / aktiviti belia dan sukan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
- 1.2. Penggunaan "TEAM MAS" (MAS = Malaysia) sebagai identiti rasmi bagi Kontinjen Sukan / pasukan yang mewakili Malaysia merupakan satu inisiatif untuk memperkukuh semangat kebangsaan dan kebanggaan negara.
- 1.3. "TEAM MAS" bukan sahaja menjadi simbol keutuhan dan perpaduan dalam bidang sukan bahkan boleh diperluas penggunaannya oleh kesemua pasukan kebangsaan sama ada dalam bidang sukan, kemahiran, kebudayaan, kesukarelawanan dan pendidikan yang melibatkan penyertaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- 1.4. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mendaftarkan logo Team MAS dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada tahun 2024. Logo Team MAS ini dilindungi oleh Akta Cap Dagangan 2019 [Akta 815] daripada sebarang penyalahgunaan dan eksploitasi oleh pihak lain selain pemilik cap dagangan. Sesalinan logo Team MAS yang telah didaftarkan adalah seperti **Lampiran A**.
- 1.5. Institut Sukan Negara ("ISN") selaku badan berkanun di bawah seliaan Kementerian Belia dan Sukan telah diberikan kuasa bagi pihak Kerajaan untuk menguruskan permohonan penggunaan logo team MAS bagi tujuan komersial.

## **2. TUJUAN**

- 2.1. Menyediakan panduan yang jelas dan komprehensif mengenai penggunaan logo rasmi Team MAS bagi tujuan komersial.
- 2.2. Menggariskan tatacara dan kaedah permohonan pemakaian logo Team MAS bagi tujuan komersial.

## **3. OBJEKTIF**

- 3.1. Memelihara nama baik, imej, kredibiliti dan reputasi Malaysia melalui penggunaan logo Team MAS secara wajar dan bersesuaian.
- 3.2. Melindungi cap dagangan logo Team MAS supaya tidak dieksploitasi dan disalahgunakan bagi tujuan komersial tanpa kebenaran KBS.
- 3.3. Mewujudkan langkah kawalan yang berkesan ke atas penggunaan logo Team MAS.
- 3.4. Menjana pendapatan melalui penggunaan logo Team MAS dan hasil pendapatan tersebut akan disalurkan untuk pembangunan sukan.

## **4. KRITERIA PERMOHONAN**

- 4.1 Kategori pemohon adalah seperti yang berikut:
  - (a) Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS);
  - (b) Persatuan Sukan yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan (PJS);
  - (c) Persatuan Belia yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY);

- (d) syarikat swasta yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- (e) Agensi dan syarikat Kerajaan; atau
- (f) mana-mana entiti yang dibenarkan oleh KBS.

4.2 Kategori penggunaan logo Team MAS bagi tujuan penghasilan produk dan perkhidmatan seperti cenderamata, cenderahati dan pakaian (baju, seluar, stoking, jaket, topi dan lain-lain)

## 5. TATACARA PERMOHONAN

5.1 Pemohon perlu mengemukakan permohonan berserta kertas cadangan kepada **Institut Sukan Negara (ISN)** melalui [teammas@isn.gov.my](mailto:teammas@isn.gov.my) dan dialamatkan kepada:

Ketua Pegawai Eksekutif  
Institut Sukan Negara (ISN)  
Persiaran ISN, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur,  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
(u.p: Pengarah Bahagian Strategik dan Pengkomersialan)

5.2 Pemohon juga dikehendaki untuk mengemukakan dokumen tambahan apabila dimohon oleh pihak ISN. Kertas cadangan dan dokumen yang lengkap akan disemak dan dinilai oleh **Jawatankuasa Komersial Logo Team MAS** yang terdiri daripada semua agensi di KBS dan dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif ISN. Jawatankuasa ini boleh memanggil pemohon untuk membentangkan kertas cadangan sekiranya perlu bagi tujuan penilaian.

5.3 Setelah permohonan dipertimbangkan, ISN akan mengeluarkan surat niat (Letter of Intent) kepada pemohon sebagai tanda persetujuan awal dan komitmen untuk tidak mengikat pihak-pihak untuk meneruskan kerjasama. ISN kemudian akan mengadakan rundingan dengan pihak pemohon bagi

menentukan terma-terma dan syarat kerjasama untuk diterjemahkan dalam dokumen perjanjian yang akan ditandatangani oleh pihak-pihak.

- 5.4 Setelah kedua-dua pihak berpuas hati dengan kandungan terma dan syarat perjanjian, dokumen perjanjian tersebut akan ditandatangani dan dimeterai sebelum pemohon dibenarkan menggunakan logo Team MAS bagi tujuan komersial.
- 5.5 Sekiranya ISN dan pemohon tidak mencapai persetujuan mengenai terma dan syarat perjanjian dalam tempoh rundingan yang telah ditetapkan dalam surat niat, ISN berhak untuk membatalkan surat niat tersebut dan tidak membenarkan pemohon menggunakan logo Team MAS.


## **6. SYARAT PEMAKAIAN LOGO**

- 6.1 Pihak ISN berhak untuk menamatkan perjanjian yang telah dimeterai sekiranya terdapat pelanggaran mana-mana terma dan syarat perjanjian oleh pemohon.
- 6.2 Pihak ISN berhak mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana pihak yang menyalahgunakan logo Team MAS bagi tujuan selain yang dinyatakan di dalam kontrak.
- 6.3 Pemohon hendaklah memastikan penggunaan logo Team MAS mematuhi perkara berikut:
  - (a) tidak menyentuh sensitiviti kaum, agama, dan institusi beraja;
  - (b) tidak mempunyai unsur-unsur lucah dan keganasan;
  - (c) tiada elemen promosi dan tajaan berkaitan rokok, rokok elektronik, judi dan alkohol; dan
  - (d) mana-mana produk dan perkhidmatan yang memerlukan kelulusan pihak berkuasa hendaklah mendapat kelulusan pihak berkuasa yang

berkaitan serta tidak bertentangan dengan dasar dan undang-undang bertulis yang berkuat kuasa.

- 6.4 Pemohon bertanggungjawab menjaga nama baik pihak Kerajaan dan ISN serta negara sepanjang penggunaan logo Team MAS serta bertanggungjawab terhadap sebarang isu / perkara berbangkit dalam penganjuran program yang diluluskan.
- 6.5 Kebenaran penggunaan logo Team MAS yang diberikan adalah bagi tempoh yang terhad seperti yang dinyatakan secara bertulis di dalam dokumen perjanjian.
- 6.6 KBS dan ISN adalah tidak bertanggungjawab ke atas sebarang liabiliti, isu dan tuntutan yang berbangkit daripada penghasilan produk atau perkhidmatan yang dibuat oleh pemohon walaupun kelulusan penggunaan logo Team MAS telah diberikan.
- 6.7 Pihak KBS dan ISN boleh mengambil tindakan selari dengan peraturan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa jika berlaku sebarang pelanggaran atau penyalahgunaan logo Team MAS.
- 6.8 Pemohon tidak dibenarkan untuk menyerahkan hak penggunaan logo Team MAS atau membenarkan pihak ketiga menggunakan logo Team MAS bagi pihak pemohon. Sebarang pelantikan pihak ketiga berkenaan dengan penghasilan produk menggunakan logo Team MAS hendaklah dimaklumkan secara bertulis dan mendapat kelulusan bertulis ISN.

## 7. CARTA ALIR PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO TEAM MAS





*Figure 1: LOGO TEAM MAS RASMI*

## SENARAI SEMAK PERMOHONAN LOGO TEAM MAS BAGI TUJUAN KOMERSIAL

Bil.	Perkara	Catatan
1.	Surat Permohonan Penggunaan Logo Team MAS bagi tujuan komersial	
2.	Dokumen berkaitan pemohon:  a. Salinan pendaftaran SSM bagi syarikat; dan  b. Salinan pendaftaran PJS / ROY/ROS	
3.	Kertas Kerja / Kertas Cadangan Program	